



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

BERITA

STATS

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

NO ISSN 0128 8563 | WWW.DOSM.GOV.MY/ EDISI JAN-JUN 2018/ BIL. 1/2018

f @StatsMalaysia

DATA BERKUALITI KEHIDUPAN SEJAHTERA



MESYUARAT PERSEDIAAN
ISI WSC
2019



MENARIK DI DALAM >

MoU

Iskandar Regional Development Authority
& Universiti Islam Antarabangsa Malaysia

PELANCARAN

Malaysia External Trade Statistics
Online (METS Online) Ver. 3

MAJLIS SILATURAHIM

& Pengimaran Ramadhan
Al-Kareem 2018



#StatsMalaysia #MyStatsDay #MyRetailCensus2019 #HIES2019 #ISIWSC2019 #MyCensus2020 #LeaveNoOneBehind



KANDUNGAN

Januari-Jun 2018

- 03 Perutusan Ketua Perangkawan Malaysia
- 04 Tinta Pengarang
- 05 Kunjungan Hormat & Muhibah
- 06 Lawatan Akademik ke DOSM
- 07 MEMORANDUM PERJANJIAN PERSEFAHAMAN (MoU)
 - IRDA
 - IIUM
- 08 BNM-AFI Joint Learning Programme On Building An Inclusive MSME Financing Ecosystem
- 08 Taklimat Prestasi Ekonomi Negeri dan Statistik Gaji & Upah Malaysia 2017
- 09 Mesyuarat Persediaan ISI WSC 2019
- 10 Sesi Walkabout Ketua Perangkawan Malaysia ke Bahagian-Bahagian Jabatan Perangkaan Malaysia
- 11 Taklimat Statistik Ekonomi Suku Keempat 2017
- 11 Pelancaran Program Ijazah Sarjana UUM
- 12 Pelancaran METS Online Ver. 3
- 13 Pelancaran Portal Banci, Stats Geoportal dan Facebook MyCensus 2020

- 14 Sesi Engagement STATSBDA
- 15 *The United Nations Regional Workshop On The 2020 World Programme On Population And Housing Censuses: International Standards And Contemporary Technologies*
- 16 Lawatan Ketua Perangkawan Malaysia Ke DOSM Negeri dan Pejabat Operasi
- AKTIVITI JABATAN**
- 17 Majlis Silaturahim & Pengimaran Ramadhan Al-Kareem 2018
- AKTIVITI SOSIAL PERSATUAN & KEBAJIKAN**
- 18 PERKISA Peduli Siri 1/2018 - Wad Pediatric Hospital Banting
- 18 PERKISA Peduli Siri 2/2018 - Ziarah Kasih Aceh, Bandar Aceh Indonesia
- 19 Mesyuarat Agung ke- 23 Tahun 2018 PUSPANITA Cawangan Kecil Jabatan Perangkaan Malaysia dan Ceramah Psikologi
- 19 Mesyuarat Agung Persatuan Penolong Pegawai Perangkaan, PPPPJPM
- 20 FitDOSM

Sidang Redaksi

Penasihat

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin
Ketua Perangkawan Malaysia

Ketua Pengarang

Puan Nazaria Baharudin
Timbalan Ketua Perangkawan
Sosial dan Pembangunan Teknikal

Penolong Ketua Pengarang

Puan Shafizaermawaty Shafei
Pengarah Bahagian Perangkaan
Komunikasi Strategik & Antarabangsa

Pengarang

Puan Rusnani Hussin@Isa (BPE)
Puan Malathi Ponnusamy (BKS)
Puan Sabariah Hj. Salim (BKS)
Cik 'Amirah Nur Ahmad (BKS)
Encik Ahmad Sauqi Haris (BIPP)
Puan Maizatul Akma Mat Eil@Ismail (BKS)
Puan Nur Adnin Mohd Jamal@Kamar (BKS)
Puan Komathi Subramaniam (BKS)
Cik Suraiya Busron (BPHPP)
Cik Nor Syamira Dollah (BKS)
Puan Siti Iesnorhana Ibrahim (BKS)
Encik William Chin (BKS)
Encik Noor Izwan Anas (BKS)

Setiausaha

Encik Noor Izwan Anas (BKS)

Pengurusan Percetakan

Bahagian Khidmat Pengurusan

Reka Bentuk & Cetakan

Bahagian Khidmat Pengurusan

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6, Kompleks C,
Pusat Pentadbiran Kerajaan
Persekutuan,
62514 Putrajaya.

TEL: 03-8885 7000
FAKS: 03-8888 9248

E-MAIL: jpdkkp@dosm.gov.my
PORTAL: www.dosm.gov.my

**Bismillahirahmanirrahim,
Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh
dan Salam Sejahtera**

Syukur Alhamdulillah dengan limpah kurnia dan inayah-Nya, kesinambungan Berita Stats dapat diteruskan lagi bagi keluaran pertama 2018. Tahniah dan sekalung penghargaan saya ucapkan kepada Sidang Redaksi yang menyumbang tenaga dan buah fikiran dalam menghasilkan sesuatu yang bermanfaat kepada semua.

Tahun 2018 telah dimulakan dengan beberapa program. Antaranya adalah aktiviti jabatan yang melibatkan Warga Jabatan dan Ketua Perangkawan seperti sesi *walkabout*, FiTDOsm dan Majlis Pengimaranan Ramadhan Al - Kareem 1439H.

Selain itu, pihak jabatan telah menerima pelbagai kunjungan hormat dan lawatan dari dalam dan luar Negara. Ini dapat mengeratkan hubungan antara pelbagai pihak dalam dan luar negara di samping mendekatkan statistik khususnya para pelajar dan masyarakat. Saya juga sempat menjalankan beberapa lawatan muhibah dengan tujuan berkongsi pengalaman selain bertukar-tukar pandangan berkaitan dengan agenda jabatan.



**PERUTUSAN
KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

DATO' SRI DR. MOHD. UZIR MAHIDIN

Di dalam usaha meningkatkan jaringan kerjasama antara jabatan dan pelbagai agensi luar, perjanjian persefahaman (MoU) telah termeterai di antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan dua buah agensi. Agensi tersebut adalah IRDA dan UIAM.

Saya turut berbangga dengan perlaksanaan aktiviti utama DOSM antaranya adalah Pelancaran *Malaysia External Trade and Statistics* (METS) dan Portal Banci Penduduk & Perumahan Malaysia 2020. Di samping itu, DOSM bersama-sama rakan strategik turut memperkemaskan gerak kerja persediaan penganjuran ISI WSC 2019 yang buat julung kalinya akan diadakan di Kuala Lumpur pada 18 - 23 Ogos 2019.

Di kesempatan ini juga, saya ingin merakamkan penghargaan dan syabas kepada semua warga Jabatan terhadap dedikasi dan komitmen penuh yang diberikan dalam usaha memartabatkan lagi Jabatan di persada dunia. Akhir kata, semoga Berita Stats akan sentiasa menjadi saluran informasi terbaik.



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan kehendak-Nya, dapat kita bertemu dalam Berita Stats Bil. 1/2018. Tahniah dan penghargaan saya tujuarkan kepada semua yang telah terlibat dan berganding bahu dalam menjayakan Berita Stats pada kali ini. Berita Stats merupakan antara saluran maklumat kepada warga Jabatan dengan memaparkan program dan aktiviti yang telah dijalankan sepanjang enam bulan pertama tahun 2018.

Tahun 2018 adalah tahun yang padat dengan pelbagai aktiviti yang melibatkan semua warga Jabatan. Dengan persiapan menjelang ISI WSC 2019 yang bakal diadakan pada 2019, siri mesyuarat kali ketiga persediaan telah diadakan.

Disamping itu, jabatan juga telah berkolaborasi dengan pihak Universiti Utara Malaysia untuk menjayakan program Ijazah Sarjana Ekonomi. Ini adalah salah satu usaha dalam membantu para warga DOSM untuk meningkatkan ilmu pengetahuan selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan.

TINTA PENGARANG

TIMBALAN KETUA PERANGKAWAN SOSIAL DAN PEMBANGUNAN TEKNIKAL

PUAN NAZARIA BAHRUDIN

Saya juga ingin menzahirkan ucapan tahniah kepada warga jabatan kerana bergiat aktif dalam aktiviti berpersatuan seperti PERKISA, Koperasi, PPPPJPM dan Puspanita. Ini dapat membantu warga untuk mengetengahkan bakat dalam kepimpinan dan cara berinteraksi antara satu sama lain.

Di sini juga saya ingin mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada seluruh warga Jabatan dalam memberikan seluruh komitmen dan dedikasi untuk menaikkan imej jabatan. Semoga Jabatan Perangkaan Malaysia terus maju demi Negara tercinta.

KUNJUNGAN HORMAT & MUHIBAH

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah menerima 23 kunjungan hormat dari beberapa agensi kerajaan, swasta, universiti serta konsultan antarabangsa dan delegasi. Antara agensi tersebut adalah Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN), Telekom Malaysia (TM), Delegasi Arab Saudi, Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia, ASIAN Development Bank (ADB) dan sebagainya. Selain itu, YBhg Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia turut mengadakan kunjungan muhibah ke agensi lain. Antara agensi tersebut adalah Akademi Laut Malaysia (ALAM), Perbadanan Nasional Berhad (PNB), Pejabat Setiausaha Kerajaan (SUK) Negeri Pahang dan Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia (JUPEM). Tujuan kunjungan hormat dan kunjungan muhibah ini adalah untuk mengukuhkan lagi jalinan kerjasama antara DOSM dan agensi-agensi lain. Semoga usaha dan kerjasama antara agensi ini akan dapat diperluaskan lagi dan memberi manfaat serta impak yang besar kepada pembangunan DOSM.



TARIKH	NAMA AGENSI
3 Januari 2018	Monash University Malaysia
4 Januari 2018	Universiti Tenaga Nasional (UNITEN)
10 Januari 2018	<i>Consultant for Gender Mainstreaming Project</i>
29 Januari 2018	Delegasi Arab Saudi
30 Januari 2018	Kementerian Kewangan Malaysia
5 Februari 2018	Kementerian Pendidikan, Sains Dan Penyelidikan Teknologi Sarawak
5 Februari 2018	<i>Bangladesh Bureau of Statistics (BBS)</i>
19 Februari 2018	Ketua Pengarah Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (JPNIN)
20 Februari 2018	<i>Cambodia, Lao PDR, Myanmar and Vietnam (CLMV), ASEAN Secretariat and Compass</i>
20 Mac 2018	<i>International Statistical Institute (ISI) Executive Member</i>
28 Mac 2018	Ketua Pegawai Eksekutif SME Corp.
4 April 2018	Telekom Malaysia (TM)
12 April 2018	Badan Pusat Statistik (BPS) Indonesia
13 April 2018	Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)
16 April 2018	Universiti Putra Malaysia (UPM)
17 April 2018	<i>Training on The Compilation of Supply and Use Table (SUT) and Workshop on Economic Analysis Using Input-Output Table</i>
17 April 2018	Kementerian Perusahaan Perladangan & Komoditi
17 April 2018	Universiti Teknologi Petronas (UTP)
17 April 2018	<i>International Labor Organization (ILO)</i>
18 April 2018	Kementerian Sumber Manusia
25 April 2018	Bank Pembangunan Asia (ADB)
30 April 2018	<i>The United Nations Population Fund (UNFPA) Malaysia</i>
17 Mei 2018	<i>Malaysia External Trade Development Corporation (MATRADE)</i>





LAWATAN AKADEMIK KE JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Lawatan akademik ke DOSM merupakan medium literasi dan pembelajaran statistik dalam kalangan pelajar sekolah dan institusi pengajian tinggi. Pelajar berpeluang memahami dengan lebih dekat berkaitan dengan statistik rasmi negara. Bagi tempoh enam bulan pertama 2018, DOSM telah menerima tujuh lawatan sambil belajar daripada pelbagai institusi pengajian.

TARIKH	NAMA AGENSI
8 Februari 2018	Kolej Profesional MARA, Beranang
28 Mac 2018	SMK King George V, Seremban
12 April 2018	Universiti Selangor (UNISEL)
17 April 2018	Universiti Utara Malaysia (UUM)
24 April 2018	Universiti Malaysia Terengganu (UMT)
14 Mei 2018	Pusat Perubatan Universiti Kebangsaan Malaysia
24 Mei 2018	UiTM Raub, Pahang



MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU)

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DAN PIHAK BERKUASA WILAYAH ISKANDAR MALAYSIA (IRDA)

Pada 11 Februari 2018 telah termeterai satu majlis memorandum persefahaman (MoU) antara Pihak Berkuasa Pembangunan Iskandar Malaysia dan Jabatan Perangkaan Malaysia bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) bersempena dengan Forum Bandar Dunia 2018 (WUF18). Majlis ini telah ditandatangani oleh Pengarah Urusan IRDA iaitu Datuk Ismail Ibrahim dan Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin.

Kerjasama strategik ini adalah salah satu usaha dalam meningkatkan ekonomi di wilayah Iskandar Malaysia iaitu pembangunan sebuah Bandar Pintar selain *urban observatory* dan perkongsian data. Majlis menandatangani dan pertukaran dokumen ini telah disaksikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan.



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DAN UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA MALAYSIA (UIAM)

Satu majlis menandatangani memorandum persefahaman (MoU) diantara Jabatan Perangkaan Malaysia dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) telah berlangsung pada 13 Mac 2018 yang bertempat di Bilik Seminar, Pejabat Rektor, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Gombak. Majlis ini telah disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin dan Rektor UIAM, YBhg. Prof. Dato' Dr. Zaleha Kamaruddin dengan disaksikan oleh Pegawai Kanan kedua-dua agensi.

Kerjasama strategik antara Jabatan Perangkaan dan UIAM ini menandakan perkongsian pintar yang akan merangsang perkongsian pengalaman, kepakaran dan penyelidikan serta perkembangan pengetahuan baru yang akan memberi manfaat kepada kedua-dua pihak. DOSM bersetuju untuk membekalkan data mikro ekonomi dan sosioekonomi untuk tujuan penyelidikan warga UIAM. Ini dapat menghasilkan daptan baru yang relevan dan dapat menyumbang kepada program transformasi Negara.



BNM-AFI JOINT LEARNING PROGRAMME ON BUILDING AN INCLUSIVE MSME FINANCING ECOSYSTEM

Program perkongsian ilmu yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia telah dijalankan pada 10 April 2018 bertempat di Bilik Mawar, Aras 8, Jabatan Perangkaan Malaysia. Program ini dijalankan bersempena Majlis BNM-AFI Joint Learning Programme on Building an Inclusive MSME Financing Ecosystem anjuran Bank Negara bersama 'Alliance for Financial Institution (AFI)' yang membincangkan mengenai "Using Economic Survey to Drive SME Development" disertai oleh 26 orang delegasi dari 13 buah Negara. Majlis ini telah dipengerusikan oleh Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial dan Pembangunan Teknikal, Puan Hjh. Nazaria Baharudin.



TAKLIMAT PRESTASI EKONOMI NEGERI DAN STATISTIK GAJI & UPAH MALAYSIA 2017

Satu sesi taklimat mengenai Prestasi Ekonomi Negeri dan Statistik Gaji & Upah Malaysia tahun 2017 telah diadakan pada 8 Mei 2018. Majlis taklimat ini telah disampaikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin bertempat di Bilik Mawar, Aras 8, Jabatan Perangkaan Malaysia, Putrajaya. Majlis ini telah dihadiri oleh para penganalisis ekonomi dan pengamal media.





MESYUARAT PERSEDIAAN ISI WSC 2019

Come | Connect | Create www.isi2019.org Follow us on: ISI WSC 2019

18 - 23 AUGUST 2019 KUALA LUMPUR



Jawatankuasa ISI WSC 2019 telah mengadakan satu mesyuarat persediaan pada 21-22 Mac 2018 bersempena dengan ISI WSC 2019. Mesyuarat ini telah berlangsung di Lanai Kijang, Bank Negara Malaysia. Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin telah hadir memberikan ucapan pembukaan. Antara yang hadir pada mesyuarat pada kali ini adalah Presiden Institut Statistik Antarabangsa (ISI), Cik Helen MacGillivray, bakal Presiden ISI, Encik John A. Bailer, Pengarah ISI, Cik Ada Van Krimpen dan seluruh Jawatankuasa Kerja ISI WSC 2019. Ini merupakan mesyuarat persediaan untuk kali yang ketiga selepas mesyuarat kali kedua yang diadakan pada 27-28 November 2017. Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk mengemaskini kemajuan persiapan menjelang ISI WSC 2019. Antara perkara yang bincangkan adalah mengenai pembiayaan, penajaan, pendaftaran dan isu-isu berbangkit berkaitan Kongress yang bakal diadakan di Kuala Lumpur pada 2019.



SESI WALKABOUT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA KE BAHAGIAN-BAHAGIAN JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA



Bahagian Khidmat Pengurusan



Bahagian Perangkaan Komunikasi Strategik dan Antarabangsa, Bahagian Integrasi dan Pengurusan Data dan Bahagian Metodologi dan Penyelidikan

Pada 5 Januari (Jumaat) dan 8 Januari 2018 (Isnin), Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin telah melaksanakan sesi *Walkabout* ke semua bahagian di Ibu Pejabat Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) termasuk di Wisma Minlon. Tujuan sesi *Walkabout* ini diadakan adalah untuk merapatkan lagi hubungan silaturrahim antara Ketua Perangkawan bersama warga DOSM. Sesi *Walkabout* ini turut disertai oleh Timbalan Ketua Perangkawan Program Ekonomi iaitu Tuan Haji Azahari Mohd Raslan dan Timbalan Ketua Perangkawan Program Sosial dan Pembangunan Teknikal Puan Nazaria Baharudin. Turut berlangsung adalah sesi suai kenal dan penyampaian amanat dari Ketua Perangkawan Malaysia.



Bahagian Perangkaan Penduduk dan Demografi



Wisma Minlon bersama Bahagian Petunjuk Ekonomi



Bahagian Perangkaan Akaun Negara



Bahagian Perangkaan Imbangan Pembayaran

TAKLIMAT STATISTIK EKONOMI SUKU KEEMPAT 2017

Taklimat Statistik Ekonomi Suku Keempat bagi Tahun 2017 telah diadakan pada 15 Februari 2018 bertempat di Universiti Sunway, Petaling Jaya. Sesi ini diadakan untuk menerangkan kedudukan indikator ekonomi semasa seperti Keluaran Dalam Negeri Kasar, Imbangan Pembayaran, Perdagangan Luar Negeri dan Guna Tenaga bagi suku tahunan kepada pengguna utama DOSM, penganalisis ekonomi dan pihak media. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin.



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM IJAZAH SARJANA UUM

PPJPM dan UUM, julung kalinya berkolaborasi menjayakan Program *Master of Economics*, Universiti Utara Malaysia. Program ini telah dilancarkan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia bertempat di Dewan Anggerik Ibu Pejabat. Program ini disertai oleh 25 orang yang terdiri daripada pegawai pelbagai gred, pengalaman kerja dan bidang pelajaran. Sesi Pembelajaran dijalankan di DOSM. Usaha ini bagi meningkatkan ilmu pengetahuan pegawai DOSM, program ini amat signifikan untuk dilaksanakan. Selaras dengan Pelan Transformasi Jabatan bagi Teras Strategik 3: Mendaya Upaya Bakat yang bertujuan memperkasa pembangunan modal insan dan meningkatkan Profesionalisme Pegawai DOSM. Oleh itu, dengan adanya program ini dan sesi pembelajaran dijalankan di Jabatan ini, ia memudahkan proses kelangsungan kerja hakiki sekaligus menyemarakkan semangat warga Jabatan dalam mempertingkatkan minat untuk belajar dan fokus terhadap bidang yang dipelajari.



PELANCARAN

PERANGKAAN PERDAGANGAN LUAR NEGERI MALAYSIA ATAS TALIAN (METS ONLINE) VER.3



Perangkaan Perdagangan Luar Negeri Malaysia Atas Talian (METS Atas Talian) Versi 3 telah berjaya dilancarkan pada 7 Februari 2018 bertempat di Dewan MATRADE, Menara MATRADE, Kuala Lumpur. Pelancaran Portal ini telah disempurnakan oleh Menteri Perdagangan Antarabangsa & Industri, YB. Dato' Sri Mustapa Mohamed. Turut hadir di majlis ini ialah Timbalan Menteri, Datuk Seri Ahmad Maslan, Ketua Setiausaha Kementerian, YBhg. Datuk Seri J. Jayasiri dan Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin. Kemudahan ini dibangunkan untuk membekalkan pengguna dengan perangkaan perdagangan luar negeri (barang) (PPLN) antara Malaysia dengan negara-negara lain. Dengan adanya kemudahan atas talian versi 3 ini, pengguna boleh memilih kod produk sehingga kod tariff yang paling terperinci berbanding dalam versi yang sebelum ini.





MAJLIS PELANCARAN PORTAL BANCI, STATS GEOPORTAL & FACEBOOK MYCENSUS 2020

Bersempena dengan Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia Tahun 2020, satu majlis telah diadakan bertujuan untuk melancarkan Portal Banci & Stats Geoportal pada 30 Mei 2018 bertempat di Dewan Anggerik, Aras 2, Jabatan Perangkaan Malaysia. Majlis pelancaran ini telah dirasmikan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin. Turut menghadiri majlis ini ialah Pengurusan Jabatan, Pengarah - Pengarah Bahagian dan negeri serta pihak vendor. Portal ini merupakan gerbang rujukan penyebaran maklumat dan aktiviti banci secara berstruktur, sistematik dan berterusan kepada orang awam. Maklumat berkaitan banci juga dapat dipaparkan dalam bentuk spatial dan interaktif menerusi portal Banci ini. Di samping itu, Facebook MyCensus 2020 yang merupakan platform media sosial rasmi Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia 2020 turut dilancarkan. Ini merupakan salahsatu usaha pihak Jabatan Perangkaan Malaysia dalam komunikasi Banci Penduduk dan Perumahan kepada komuniti netizen terutamanya di Malaysia.





SESI ENGAGEMENT STATSBDA

Sesi Engagement Statistics Big Data Analytics (STATSBDA) telah diadakan bertujuan memberikan hebahan kepada agensi kerajaan dan institusi pengajian tinggi yang berkaitan mengenai projek STATSBDA ini. Platform ini juga digunakan untuk memberikan kefahaman tinggi mengenai produk statistik disamping menambahbaik sistem yang dibangunkan melalui cadangan dan pandangan peserta yang hadir.

Sesi ini telah berlangsung pada 16 Mei 2018 bertempat di Pusat Konvensyen TM, Kuala Lumpur. Ucapan aluan telah diberikan oleh Pengarah Projek STATSBDA, Puan Riyanti Saari dan Ketua Pegawai Operasi TM One, Encik Roslan Mohd Rashidi. Manakala majlis telah dirasmikan oleh Timbalan Ketua Perangkawan (Program Ekonomi), YBrs. Tuan Haji Azahari Mohd Raslan.

Selain itu juga, sesi penerangan STATSBDA juga telah dijalankan untuk memberikan pencerahan mengenai penubuhan projek, modul yang dibangunkan, teknologi yang digunakan serta statistik baru yang dikeluarkan. Pandangan dan komen daripada peserta yang hadir telah dilakukan ketika sesi Soal Jawab. Pelbagai wakil daripada agensi kerajaan dan swasta telah hadir untuk menjayakan sesi engagement ini.



THE UNITED NATION REGIONAL WORKSHOP ON THE 2020 WORLD PROGRAMME ON POPULATION AND HOUSING CENSUSES: INTERNATIONAL STANDARDS AND CONTEMPORARY TECHNOLOGIES

The United Nation Regional Workshop on The 2020 World Programme on Population and Housing Censuses: International Standards and Contemporary Technologies telah diadakan pada 25 -28 June 2018 bertempat di Hotel Royal Park, Kuala Lumpur. Bengkel ini telah dianjurkan oleh *United Nations Statistical Department* (UNSD) dengan kerjasama *United Nations Populations Fund* (UNFPA) dengan tujuan utama untuk memperkenalkan tiga garis panduan baharu dan dikemaskini berkaitan banci penduduk dan perumahan. 26 orang peserta dari pelbagai negara seperti Cambodia, China, Macau, Indonesia, Laos, Malaysia, Myanmar, Filipina, Thailand, Timor Leste dan wakil – wakil daripada UNFPA serta UNSD telah menyertai bengkel ini.

DOSM telah dijemput untuk memberikan ucapan pembukaan yang disempurnakan oleh Ketua Perangkawan Malaysia, YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin. Di samping itu, DOSM juga telah diberi peluang untuk mempromosikan Seminar ISI WSC 2019 yang akan diadakan di Kuala Lumpur pada 2019 selain hebahan mengenai Banci Penduduk dan Perumahan Malaysia pada tahun 2020.



LAWATAN KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA KE DOSM NEGERI DAN PEJABAT OPERASI

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia telah mengadakan lawatan ke DOSM Negeri dan Pejabat Operasi sepanjang Januari – Jun 2018. Antara tujuan lawatan ini adalah untuk melihat perkembangan kerja, berbincang mengenai aktiviti kerja penyiasatan dan menyampaikan amanat kepada warga DOSM disamping dapat beramah mesra dengan warga kerja DOSM di setiap negeri.

Tarikh	Tempat
25 Januari 2018	PO Gombak
25 Februari 2018	PO Langkawi
26 Mac 2018	JP Pahang
9 April 2018	PO Kota Marudu
11 April 2018	PO Tawau
23 April 2018	PO Sarikei
24 April 2018	PO Sibu
6 Mei 2018	PO Sg. Petani
7 Mei 2018	PO Seberang Perai



Majlis tradisi yang dilaksanakan oleh Jabatan melalui PERKISA dengan kerjasama PUSPANITA CKJPM dan KSS setiap tahun ini telah diadakan bagi tahun 2018/1439H ini pada 31 Mei bertempat di Dewan Anggerik Aras 2, Ibu Pejabat. Majlis telah dihadiri oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan, Pengarah Kanan dan Pengarah Bahagian/Negeri dan seramai 350 Warga Jabatan. Majlis dimulakan oleh penyampaian sumbangan anak-anak yatim seluruh Jabatan seramai 35 orang dan diikuti dengan tazkirah Ramadhan, solat Maghrib, Isyak dan Terawih yang telah dipimpin oleh penceramah jemputan iaitu, Al Fadhil Ustaz Muhammad Rozi bin Harun (PU Rozi). Majlis berbuka puasa, makan malam dan moreh disediakan pada semua tetamu yang hadir.

MAJLIS SILATURAHIM & PENGIMARAHAN RAMADHAN AL-KAREEM 2018



PERKISA PEDULI SIRI 1/2018**Wad Pediatrik Hospital Banting**

Lawatan Amal Persatuan Kebajikan Islam Statistik (PERKISA) yang dikenali sebagai PERKISA Peduli Siri 1/2018 telah diadakan di Wad Pediatrik Hospital Banting pada 31 Mac 2018. Kunjungan kali ini lebih kepada niat untuk membawa keceriaan kepada pesakit dari bayi lagi (ibu bapa) sehingga berumur 12 tahun di Wad Pediatrik yang boleh memuatkan 45-50 katil. Lawatan disambut baik oleh Pengurusan Hospital Serdang dan semua petugas di Wad Pediatrik tersebut. Seramai 20 orang AJK Induk dan Ahli PERKISA yang menyertai misi jihad silaturahim ini. Misi ini lebih bermakna dengan kehadiran YBhg Dato' Sri Dr. Ketua Perangkawan Malaysia dan Isteri serta Yang Di Pertua PERKISA dan isteri. PERKISA mengucapkan terima kasih kepada seluruh Warga Jabatan (Ibu Pejabat dan MINLON) di atas sumbangan ikhlas yang telah disalurkan pada siri lawatan ini.

**PERKISA PEDULI SIRI 2/2018
Ziarah Kasih Aceh, Indonesia**

PERKISA Peduli siri ke 2/2018 ini berkolaborasi dengan PUSPANITA CKJPM. Kembara jihad silaturahim dan mencari kumpulan sasaran yang memerlukan kali ini merentasi Selat Melaka pada 29 April hingga 1 Mei 2018. Kenapa Aceh telah dipilih? Antara fokus bantuannya ialah dua pesantren anak yatim di negara Islam ini yang menempatkan hampir 120 penghuni. Selain itu para AJK dan ahli kedua-dua Persatuan dapat menyelami erti perjuangan sebenar kebangkitan semula Aceh selepas bencana besar Tsunami. Selain sumbangan berupa wang tunai, peralatan sekolah, baju dan makanan harian juga turut diberikan. Penganjur mengucapkan ribuan terima kasih kepada seluruh Warga Jabatan seluruh Negara yang telah memberi bantuan ini samaada melalui Individu atau pun melalui Bahagian/ Negeri.



MESYUARAT AGUNG KE- 23 TAHUN 2018 PUSPANITA CAWANGAN KECIL JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA DAN CERAMAH PSIKOLOGI

PUSPANITA CKPJPM dan Unit Psikologi, Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP) julung kalinya berkolaborasi menjayakan Sambutan Hari Wanita 2018 peringat Jabatan Perangkaan Malaysia pada Mesyuarat Agung PUSPANITA ke- 23 (13 Mac 2018) di Dewan Anggerik Ibu Pejabat. Majlis yang dihadiri oleh ahli PUSPANITA seramai 200 orang ini telah disempurnakan oleh YBhg. Dato' Sri Dr. Mohd. Uzir Mahidin, Ketua Perangkawan Malaysia yang juga merangkap Penasihat PUSPANITA CKJPM. Majlis dimulakan dengan ucapan aluan oleh YBhg. Datin Sri Zuraidah binti Maspor, Pengerusi PUSPANITA CKJPM, diikuti dengan sesi penyampaian Anugerah Ahli Cemerlang 2017, Anugerah Pelajar Cemerlang 2017 (anak-anak kepada ahli PUSPANITA) dan mesyuarat tahunan. Sempena sambutan Hari Wanita yang jatuh pada 8 Mac 2018 juga, majlis turut menyediakan dua sesi ceramah. Di mana sesi pertama ceramah Psikologi yang disampaikan oleh Puan Saleha Idris, Pensyarah Psikologi dan sesi kedua, ceramah Personaliti Menawan Keterampilan Anggun oleh Puan Nurul Aina Abdul Manan, Perunding Kecantikan Bebas. Beberapa acara menarik turut disajikan seperti sesi menderma darah, jualan amal dan cabutan bertuah.

**MESYUARAT AGUNG PERSATUAN PENOLONG PEGAWAI PERANGKAAN, PPPJPJM**

Mesyuarat Agung PPPJPJM kali ke-7 pada 25 April 2018 telah menyaksikan pertukaran kepimpinan tertinggi Persatuan setelah mantan Pengerusi PPPJPJM, Tuan Haji Mohamad Ali bin Abdullah bersara wajib. Beliau telah memimpin persatuan ini selama 13 tahun mulai penubuhannya pada 2005. Semua jawatan telah dipertandingkan secara terbuka dan pemilihan telah dibuat oleh ahli PPPJPJM secara menyeluruh dan telus. Pemilihan dan pengundian telah berjalan dengan baik dan tenang, serta syabas diucapkan kepada barisan baru yang diberi mandat untuk terus menerajui Persatuan bagi dua tahun sesi 2018-2020. Semoga legasi kepimpinan yang baik sepanjang perjuangan barisan kepimpinan terdahulu akan dapat diterus dan ditingkatkan demi kelangsungan skim perkhidmatan PPP yang siap siaga, komited dan berdaya juang. Persatuan mengucapkan terima kasih kepada Pengurusan Jabatan, Pengarah Kanan/Bahagian/Negeri dan Kader yang menyokong majlis ini dengan membenarkan kehadiran ahli Persatuan mencecah seramai 209 orang dari Ibu Pejabat, Jabatan Perangkaan Negeri berdekatan dan Kader.



FitDOSM

FitDOSM merupakan acara mingguan Jabatan Perangkaan yang dijalankan pada setiap hari Rabu. Acara ini diuruskan oleh setiap bahagian secara bergilir-gilir. Tujuan FitDOSM ini dijalankan adalah untuk mengalakkan warga jabatan untuk bersukan dan bersenam disamping dapat menyihatkan tubuh badan. Antara tema aktiviti FitDOSM adalah senamrobik, *aerodance* dan *fun walk*. Aktiviti ini turut dijalankan disetiap jabatan perangkaan seluruh malaysia.

